

## TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 13 – 17 MAC 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my).

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
14.03.17 (Selasa) 09.30 pagi	MTD ACPI Engineering Berhad (EGM)	Pejabat Berdaftar, 1, Jalan Batu Caves, Batu Caves
15.03.17 (Rabu) 09.45 pagi	Land & General Berhad (EGM)	The Sri Damansara Club, Persiaran Perdana, Bandar Sri Damansara
15.03.17 (Rabu) 11.30 pagi	Hai-O Enterprise Berhad (EGM)	The Royale Bintang, Kuala Lumpur
16.03.17 (Khamis) 11.00 pagi	Bina Darulaman Bhd (AGM)	Intercontinental Hotel Kuala Lumpur

<b>Perkara penting untuk diajukan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk Diajukan</b>
Hai-O Enterprise Berhad (EGM)	<p>Selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, MSWG tidak menggalakkan amalan memberi opsyen kepada pengarah bukan eksekutif kerana mereka memegang peranan tadbir urus dalam Syarikat dan bertanggungjawab memantau peruntukan opsyen kepada pekerja dan pengarah eksekutif.</p> <p>Di bawah Cadangan Peruntukan, kami mendapati pengarah bukan eksekutif juga layak melanggan saham baharu dalam Syarikat.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Bolehkah Lembaga berikan sebab memberikan peruntukan opsyen ini kepada pengarah bukan eksekutif?</li><li>ii. Bagaimanakah Lembaga memastikan isu konflik kepentingan dapat ditangani sekiranya pengarah bukan eksekutif juga menjadi penerima di bawah skim ini</li></ol>

	<p>apabila mengundi dan membincangkan peruntukan itu di bawah skim opsyen?</p> <p>iii. Bagaimanakah proses pemantauan di bawah skim opsyen?</p>
Land & General Berhad (EGM)	<p>Seperti yang dinyatakan di halaman 7 dalam Pekeliling, Harga Belian diselesaikan sepenuhnya secara tunai. Baki Harga Belian dijangka akan dibiayai menggunakan hasil yang dijana daripada Cadangan Terbitan Hak, dana yang diperolehi dari dalam syarikat dan/atau pinjaman bank Kumpulan L&amp;G.</p> <p>Kami juga mendapati Kumpulan mempunyai baki bank dan tunai berjumlah RM471.5 juta (tunai bersih RM393.5 juta) pada 31 Disember 2016. Pada Mesyuarat Agung Tahunan tahun sebelumnya, Lembaga menyatakan mereka akan menggunakan baki tunai itu untuk membeli beberapa bidang tanah serta memulakan beberapa projek usaha sama.</p> <p>i. Mengapakah Lembaga mengubah keputusannya untuk mengumpul dana melalui Cadangan Terbitan Hak dan bukannya menggunakan wang tunai dan baki di bank?</p> <p>ii. Memandangkan Syarikat akan mengumpul dana melalui Cadangan Terbitan Hak, apakah perancangan untuk wang tunai dan baki di bank?</p>
MTD ACPI Engineering Bhd (EGM)	<p>1. Sila jelaskan yang berikut tentang penstrukturan semula hutang dan cadangan pelupusan Saujanika Sdn Bhd kepada MTD Capital Sdn Bhd:-</p> <p>a. Apakah faedah nyata kepada pemegang saham minoriti yang timbul daripada transaksi itu dengan mengambil kira struktur pembayaran yang dicadangkan di bawah perjanjian itu?</p> <p>b. Adakah Syarikat membuat apa-apa transaksi/ perjanjian perniagaan dengan Saujanika Sdn Bhd dalam tempoh 6</p>

	<p>hingga 12 bulan akan datang? Jika ya, sila terangkan sebab cadangan penjualan ini dan impak positif kepada Syarikat yang timbul daripada urusniaga itu dengan mengambil kira perkembangan potensi perniagaan pada masa hadapan.</p> <p>2. Sila bentangkan petunjuk prestasi utama dan jelaskan prestasi kewangan syarikat yang terlibat dalam transaksi itu bagi 3 tahun sebelum ini termasuk manfaat, kekuatan dan kelemahannya kepada pemegang saham minoriti?</p> <p>3. Apakah jenis-jenis hutang bukan dagangan? Bagaimanakah wujudnya hutang bukan dagangan ini dan bagaimanakah ia disusun semula sebagai hutang bukan dagangan antara syarikat untuk anak-anak syarikat Saujanika dan MTD ACPI Interco Group, yang membawa kepada cadangan pelupusan?</p>
<p>Bina Darulaman Bhd (AGM)</p>	<p>1. Bahagian Golf &amp; Hotel mencatatkan kerugian yang lebih tinggi pada tahun kewangan(TK) 2016 iaitu sebanyak RM2.5 juta berbanding RM1.6 juta pada tahun kewangan sebelum ini. Sebahagian besarnya disebabkan oleh kos operasi yang lebih tinggi contohnya pembaikan dan penyelenggaraan serta kos tenaga kerja.</p> <p>i. Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi kewangan bahagian ini?</p> <p>ii. Apakah kadar penghunian purata BDB Hotel untuk TK2016?</p> <p>2. Apakah yang menyebabkan peningkatan dalam Pelaburan Lain daripada RM910,924 kepada RM7.1 juta pada TK2016?</p>